

39 penghuni cemas rumah bergoyang

Kejadian dipercayai berlaku akibat projek bina rumah pam di Kampung Datuk Keramat

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

KUALA LUMPUR

Seramai 39 penghuni rumah di Jalan Kiri 15, Kampung Datuk Keramat di sini berdepan detik cemas apabila kediaman mereka bergoyang dan retak akibat mendapan tanah kelmarin.

Kejadian mendapan berkenaan dipercayai berlaku akibat projek membina rumah pam bagi menaik taraf sistem saliran di kawasan itu.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, pelaksanaan projek naik taraf sistem saliran yang disyaki menjadi punca mendapan tanah itu perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah banjir dihadapi penduduk sekitar kawasan ini sejak lebih 20 tahun lalu.

"Kos keseluruhan bagi pelaksanaan projek ini menelan belanja sebanyak RM1.4 juta. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengkaji semula sama ada terdapat pertambahan kos ekoran insiden ini," katanya ketika melawat lokasi kejadian di sini semalam.

Nor Hisham berkata, kerja-kerja penstabilan tanah di tapak projek pembinaan rumah pam di situ dijangka mengambil masa selama dua hingga tiga minggu.

Menurutnya, pihaknya juga akan memasang alat khas di rumah ber-



Nor Hisham (lima dari kiri) memantau tapak lokasi di Kampung Datuk Keramat semalam.



Tapak pembinaan rumah pam berkenaan akan menjalani proses penstabilan tanah selama dua hingga tiga minggu.

hampiran kawasan berkenaan bagi memantau sebarang pergerakan tanah.

"Buat masa ini, semua mangsa terlibat ditempatkan di Dewan Aktiviti Kemasyarakatan Masjid Al-

Akram sehingga kerja-kerja penstabilan tanah itu selesai dilaksanakan. Keutamaan pada masa kini adalah untuk menjaga kebajikan tujuh keluarga terlibat yang ditempatkan di dewan berkenaan.

"DBKL juga akan minta kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan agensi berkaitan untuk membantu menyelesaikan permasalahan ini," kata beliau.

Dalam pada itu, Nor Hisham berkata, DBKL turut mengesyorkan supaya pemilik bangunan di kawasan berkenaan membuat permohonan Sijil Layak Menduduki (CF) selepas ini.

"DBKL tidak paksa pemilik untuk mohon CF sebab itu tanah mereka tapi kita hanya mahukan mereka tahu kesannya jika tak buat," katanya.